

Negara boleh hancur: PM

Sistem 2 parti tidak logik

Oleh LICHONG ANGKUI
dan ROSLI ABDUL JALIL

KOTA KINABALU: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan cadangan pembangkang untuk mewujudkan sistem dua parti di negara ini, sebagai tidak masuk akal.

Ini kerana sistem itu boleh menghancurkan negara jika mereka yang memerintah tidak tahu mengamalkan sistem itu dengan sebaik-baiknya.

"Tidak ada 'keajaiban' dalam sistem dua parti, sistem yang dicadangkan oleh pembangkang itu tidak masuk akal kerana mereka sendiri tidak sependapat. Mereka hanya ingin memenangi pilihanraya," katanya.

Bercakap dalam sidang akhbar di sini petang semalam, Datuk Seri Dr Mahathir berkata keseluruhan sistem itu akan hancur kerana masing-masing anggota dalam pakatan itu berebut kuasa seperti yang pernah berlaku di Terengganu.

Dalam sidang akhbar itu, Perdana Menteri diapit oleh Presiden PBS yang juga Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin di
... dan Presiden Usno, Tun

Datu Haji Mustapha Datu Harun di sebelah kiri.

"Kita pernah lihat ketika Pas memerintah Terengganu. Dalam masa empat bulan, ahli Pas meninggalkan parti itu untuk menyertai Umno kerana selepas menubuhkan kerajaan, mereka bergaduh sesama sendiri berebut kuasa," katanya.

Beliau berkata sistem dua parti tidak menjamin sebuah kerajaan yang baik, sebaliknya yang penting ialah pemahanan rakyat terhadap pelaksanaan apa jua sistem yang diamalkan oleh sesebuah kerajaan.

"Sebaliknya, sistem yang pelbagai yang diamalkan sekarang terbukti dapat dilaksanakan dengan baik dan seluruh dunia berpaling ke arah sistem yang pelbagai ini.

"Buruk atau baiknya sesuatu sistem tertakluk kepada bagaimana kita melaksanakannya. Di negara ini, sistem sedia ada dilaksanakan dengan baik kerana pelbagai parti yang berlainan dapat bekerjasama," jelasnya.

Mengenai pengagihan royalti minyak dan penyerahan semula Labuan kepada Sabah yang terkandung dalam manifesto Semangat 46, Datuk Seri Dr Mahathir menyifatkannya sebagai 'rasuah' kepada rakyat untuk memancing undi.

Katanya, pihak pembangkang tidak pernah menimbulkan perkara itu sebelum ini.

"Amat aneh sekali kerana sebelum ini mereka tidak pernah mengeluarkan kenyataan itu. Kini, pilihanraya sudah tiba, mereka tiba-tiba berjanji demikian," katanya.

Perdana Menteri juga yakin BN akan mencapai kemenangan besar di Semenanjung, iaitu majoriti lebih dua pertiga.

Namun, katanya, sokongan daripada Sabah dan Sarawak amat diperlukan untuk menguatkan kerajaan, agar tidak mudah diganggu-gugat.

"Tetapi ini tidak bermakna BN ragu terhadap kekuatannya di Semenanjung. Kita boleh bentuk kerajaan hanya dengan kemenangan di Semenanjung, tetapi kita mahu penyertaan Sabah dan Sarawak untuk mengukuhkan kerajaan dan untuk kepentingan semua.

"Kerjasama dengan kerajaan Pusat boleh memberi faedah kepada kerajaan negeri," katanya.

Mengenai lawatannya ke Sabah, Perdana Menteri berkata ia dibuat lebih awal bagi menyelesaikan sedikit masalah yang dihadapi oleh kedua-dua parti komponen BN.

Menurutnya, setelah perundingan dibuat perkara itu dapat diselesaikan secara permuafakatan di antara pemimpin PBS dan Usno.

"Saya sungguh sukacita kerana kami telah mencapai pendirian yang sama berkenaan dengan semua isu," katanya.